

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**

**TARIKH** : **23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN** :

**Tuan Manivanan A/L Gowindasamy [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Punca-punca yang menyebabkan berlakunya insiden pelanggaran di antara Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dengan Kereta Api Ekspres Rakyat di Stesen Komuter Batang Kali, di kilometer 322 pada 7 Mei 2016 yang mengakibatkan 3 penumpang mengalami kecederaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan situasi seperti ini daripada berulang. Adakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan ini setimpal dengan peningkatan kos pengangkutan di Malaysia.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telahpun memulakan proses penyiasatan untuk mengenal pasti punca-punca kepada insiden pelanggaran Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dengan Kereta Api Ekspres Rakyat pada 7 Mei 2016 yang lalu.

2. Proses penyiasatan ini, yang diterajui oleh panel inkuiri yang terdiri daripada pakar-pakar industri, masih lagi berjalan dan ia dijangka akan mengambil masa tiga bulan untuk disiapkan.

Sekian, terima kasih.